

# **GARIS PANDUAN PENULISAN *JURNAL DARUSSALAM* DAN PENYERAHAN MANUSKRIP**

## **1.0 PENGENALAN**

*Jurnal Darussalam*, sebuah jurnal ilmiah terbitan Pusat Sejarah Brunei yang dikhususkan untuk kajian, penulisan dan penyelidikan sejarah Brunei Darussalam. Ini membantu Pusat Sejarah Brunei melaksanakan peranannya sebagai institusi kerajaan yang memelihara dan melestarikan sejarah. Sejak 1992, jurnal berkenaan diterbitkan secara berkala. Walau bagaimanapun, sejak 2006 hingga sekarang, jurnal tersebut diterbitkan sekali setahun.

*Jurnal Darussalam* memuatkan penulisan ilmiah tentang sejarah negara bangsa, dan mengaitkannya dengan bidang-bidang sains sosial lain seperti sosiologi, antropologi, sains politik, ekonomi, arkeologi, sejarah, psikologi, geografi, demografi, semiotik, linguistik and ekologi manusia. Penulisan ilmiah tentang sejarah ini termasuklah artikel penyelidikan, artikel tinjauan, kertas kerja persidangan dan seminar yang dibentangkan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

## **2.0 TUJUAN**

Untuk memberigakan hasil penyelidikan dan kajian sejarah Brunei, bagi manfaat penyelidikan, rujukan dan bahan bacaan.

## **3.0 SKOP PENYELIDIKAN**

Skop penyelidikan memberi tumpuan terhadap penyelidikan yang mendalam mengenai sejarah Brunei Darussalam yang mencakupi perkara-perkara yang berikut:

- i. Hasil penyelidikan dan kajian;
- ii. Dapatan baharu, pendekatan baharu dan penerapan baharu; dan
- iii. Analisis kritis dan penilaian terhadap dapatan sejarah.

## **4.0 GARIS PANDUAN PENYERAHAN MANUSKRIP**

- 4.1 Manuskrip yang dihasilkan tidak menyentuh sosiopolitik negara, perkara-perkara sensitif seperti parti politik, kepercayaan dan ugama.
- 4.2 Manuskrip belum pernah diterbitkan.
- 4.3 Manuskrip yang dihantar bukanlah manuskrip yang dihantar kepada penerbit lain.
- 4.4 Manuskrip yang dihantar hendaklah tidak sama dengan mana-mana manuskrip yang telah diterbitkan (dalam format bercetak atau digital), sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dalam bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain.

- 4.5 Manuskrip yang dihantar sama ada dalam bahasa Melayu (menggunakan versi Sistem Ejaan Rumi Baharu yang terkini) atau dalam bahasa Inggeris.
- 4.6 Manuskrip hendaklah memuatkan dua abstrak, iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, setiap satunya tidak lebih daripada 200 patah perkataan. Setiap abstrak hendaklah menyenaraikan tidak lebih daripada 5 kata kunci.
- 4.7 Manuskrip yang dihantar hendaklah sebanyak 15 hingga 30 halaman. Manuskrip ditaip menggunakan program *Word*, fon Times New Roman bersaiz 12, jarak langkau 1.5 pada satu halaman kertas saiz A4, dan nota kaki ditaip menggunakan fon Times New Roman bersaiz 10.
- 4.8 Manuskrip boleh dihantar secara dalam talian di alamat [bpn@pusat-sejarah.gov.bn](mailto:bpn@pusat-sejarah.gov.bn)
- 4.9 Manuskrip juga boleh dihantar dalam bentuk salinan cetak (disertakan dengan satu borang penyerahan yang lengkap) ke alamat yang berikut:

BAHAGIAN PENERBITAN DAN PEMASARAN,  
Pusat Sejarah Brunei,  
Jalan James Pearce,  
Bandar Seri Begawan BS8610,  
Negara Brunei Darussalam

- 4.10 Manuskrip yang dihantar boleh memuatkan jadual, rajah, gambar, lukisan atau peta yang boleh mengilustrasi atau menjelaskan hujah yang dinyatakan. Semua gambar, lukisan, atau peta hendaklah disertakan dengan jelas sumber dan hak cipta yang tertentu.
- 4.11 Manuskrip hendaklah mengikut Format Penulisan Ilmiah<sup>1</sup> seperti penggunaan huruf besar, format rujukan, jadual, rajah, gambar, lukisan atau peta.
- 4.12 Manuskrip yang dihantar akan dinilai oleh tim editorial jurnal mengikut format yang sesuai dan syarat-syarat lain.

## 5.0 HONORARIUM

Setiap manuskrip yang diterbitkan akan diberikan honorarium.



Sila imbas kod QR untuk memuat turun  
**Garis Panduan Penyerahan Manuskrip**  
dalam Bahasa Inggeris

---

<sup>1</sup> Lampiran A: Format Penulisan Ilmiah

## LAMPIRAN A

### FORMAT PENULISAN ILMIAH

#### Format Penulisan Ilmiah

1. **Tajuk**
  - Ringkas, spesifik dan menepati isi kandungan yang dibincangkan
  
2. **Maklumat Penulis**
  - Nama diletakkan di bawah **Tajuk** dengan diselangkan satu baris.
  - Nama institusi dan e-mel penulis diletakkan di bawah nama penulis.
  - Jarak langkau antara nama penulis dan abstrak ialah 2.0
  
3. **Dua Abstrak; dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.**
  - Ringkasan manuskrip penyelidikan.
  - Setiap abstrak tidak lebih daripada 200 patah perkataan.
  - Setiap abstrak mestilah menyenaraikan tidak lebih daripada 5 kata kunci.
  
4. **Struktur Penulisan Akademik**
  - **Pengenalan**  
Pengenalan hendaklah padat dan jelas, latar belakang mengenai Tajuk serta menggariskan tentang manuskrip.
  
  - **Isi**  
Bahagian ini memuatkan subtajuk, semua maklumat yang didapatkan daripada sumber lain semasa menjalankan penyelidikan, kaedah yang digunakan, perbincangan, hujah-hujah, bukti dan nota kaki.
  
  - **Kesimpulan**  
Ringkasan mengenai dapatan kajian, dan cadangan bagi kajian yang akan datang.
  
5. **Rujukan Bibliografi**
  - Bahagian ini dimuatkan dalam teks selepas **Kesimpulan** (pada halaman baharu).
  - Ini termasuklah buku, akhbar, majalah, laporan, dokumen, laman sesawang dan kertas kerja.
  
6. **Lampiran (jika ada)**
  - Lampiran diletakkan selepas **Bibliografi** pada bahagian akhir manuskrip.
  
7. **Biodata**
  - Biodata ringkas mengenai penulis (termasuk kerja dan pencapaian akademik) hendaklah dibubuh pada bahagian akhir manuskrip, iaitu selepas **Lampiran**.

1. Setiap manuskrip yang dihantar hendaklah disertakan bersama borang penghantaran manuskrip.
2. Manuskrip dan borang berkenaan bolehlah dihantar ke [bpn@pusat-sejarah.gov.bn](mailto:bpn@pusat-sejarah.gov.bn)



## BORANG PENGHANTARAN MANUSKIP

Kepada,  
**Editor *Jurnal Darussalam***  
**Bahagian Penerbitan dan Pemasaran**  
Pusat Sejarah Brunei  
Jalan James Pearce  
Bandar Seri Begawan BS 8610  
Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 2240167 sambungan 332 dan 334

Dengan penuh hormat bersama ini disertakan satu salinan manuskrip saya sendiri untuk dimuatkan ke dalam *Jurnal Darussalam*.

Tajuk Manuskrip:

1. \_\_\_\_\_

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Nombor Kad Pintar : \_\_\_\_\_ Warna : \_\_\_\_\_  
(Sila sertakan salinan)

Alamat Persuratan:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nombor Telefon: \_\_\_\_\_(R) \_\_\_\_\_(P) \_\_\_\_\_(B)

E-mel: \_\_\_\_\_

Sehubungan itu sukacita saya memberikan kebenaran kepada pihak penerbitan untuk membuat sebarang perubahan/pindaan terhadap isi kandungan manuskrip yang bertajuk di atas. Saya berharap manuskrip seumpama ini akan dapat memberi manfaat kepada pembaca dan menyumbang ke arah kepelbagaian ilmu sejarah.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_